

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 26 JUN 2014 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pasaran produk BioNexus diperluas	Utusan Malaysia
2.	ECER diiktiraf gerbang industri bioteknologi	Berita Harian
3.	Pakar bukti iradiasi selamat	Harian Metro
4.	Tasik Putrajaya mungkin jadi sumber air	Utusan Malaysia
5.	Put out forest fires in Sumatra, KL tells Jakarta	New Straits Times
6.	Tasik Putrajaya, Mines sumber alternatif	Berita Harian
7.	Penang to become hotter and hazier	The Star

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 6**  
**TARIKH : 26 JUN 2014 (KHAMIS)**

BioShoppe di Pavilion Malaysia peluang terbaik promosi produk ke tahap global

# Pasaran produk BioNexus diperluas

**SAN DIEGO** (California) 25 Jun - Pelancaran Pavilion Malaysia yang disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin sempena Pameran Antarabangsa Bio 2014 di sini membuka peluang kepada para pengusaha Malaysia untuk memasarkan produk mereka ke peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, pasaran untuk produk bio Malaysia termasuk yang dihasilkan oleh syarikat-syarikat BioNexus untuk pasaran luar negara mempunyai potensi yang besar.

Oleh itu ujarnya, BioShoppe di Pavilion Malaysia sempena pameran kali ini merupakan peluang terbaik untuk lebih 100 jenis produk daripada 13 syarikat BioNexus menjalin kerjasama dengan pemain-pemain industri di peringkat global.

"Buat pertama kalinya, Pavilion Malaysia memperkenalkan kedai



Dengan adanya BioShoppe dan penyertaan 120 syarikat bioteknologi Malaysia, ia dapat menarik 2,000 syarikat bioteknologi antarabangsa untuk melabur secara terus dengan usahawan-usahawan Malaysia

**EWON EBIN**  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

berkonsep BioShoppe pada persidangan seperti ini yang kita lihat dapat mempromosikan produk Malaysia ke peringkat antarabangsa sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk kita menjadi pemain global dalam industri bioteknologi," katanya ketika berucap dalam majlis pelancaran Pavilion Malaysia 2014 di Pusat Konvensyen San Diego di sini hari ini.

Pada majlis yang sama, Ewon turut melancarkan logo baharu produk BioNexus.

Yang hadir sama, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi

Yahaya; Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Alfred Jabu; Pengurus BiotechCorp Malaysia, Tan Sri Zakri Abdul Hamid dan Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp Malaysia, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal.

Delegasi Malaysia juga terdiri daripada wakil kerajaan negeri Kedah, Sabah, Sarawak serta wakil pelbagai agensi termasuk syarikat berstatus BioNexus.

Konvensyen selama empat hari

bermula pada 23 Jun lalu itu merupakan yang terbesar dengan penyertaan para pakar dalam bidang bioteknologi dari seluruh dunia dan penyertaan Pavilion Malaysia kali ini merupakan penyertaan kali ke-10.

Ewon berkata, dengan adanya BioShoppe dan penyertaan 120 syarikat bioteknologi Malaysia, ia dapat menarik 2,000 syarikat bioteknologi antarabangsa untuk melabur secara terus dengan usa-

hawan-usahawan Malaysia.

Sementara itu, pada majlis sidang akbar, Mohd. Nazlee berkata, perkembangan industri bioteknologi di pasaran Malaysia adalah menggalakkan namun syarikat negara perlu lebih banyak membuat jalinan kerjasama di peringkat antarabangsa agar produk yang dihasilkan boleh memasuki pasaran luar negara.

"Kita mahu menarik kerjasama dari luar untuk memajukan lagi industri bioteknologi khususnya produk-produk yang dihasilkan oleh 234 syarikat BioNexus. Sehubungan itu, kita akan mengadakan pelancaran logo dan penjenamaan baharu pada Julai ini di Pusat Beli Belah IOI Puchong di Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata, dengan penjenamaan baharu pelbagai produk bio itu, ia diyakini mampu menembusi pasaran global. - **UTUSAN**

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B4**  
**TARIKH: 26 JUN 2014 (KHAMIS)**

## **ECER diiktiraf gerbang industri bioteknologi**

**Wilayah** Ekonomi Pantai Timur (ECER) semakin mendapat pengiktirafan dalam kalangan peserta bioteknologi global sebagai gerbang pelaburan industri berdasarkan bioteknologi yang menyasar pasaran ASEAN dan Asia Pasifik.

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Datuk Jebasingam Issace John, berkata ECER kini aktif menarik pelaburan berkaitan bioteknologi, terutama produk farmaseutikal bernilai tinggi serta produk biofarmaseutikal khusus lain.

“Banyak multinasional Amerika Syarikat (AS) sedang menerajui revolusi ekonomi bio global dan kami mengalu-alukan kehadiran mereka ke ECER yang berada dalam landasan terbaik sebagai destinasi pilihan industri berdasarkan bio.

“ECER kini lokasi kepada taman industri peserta bioteknologi seperti Taman Biopolimer Kertih, Taman Bio Bersepadu Biopark dan Taman Halal Gambang yang semuanya terletak di Zon Ekonomi Khas ECER (ECER SEZ). Ia menawarkan akses mudah kepada pelabur untuk pasaran ASEAN dan Asia Pasifik,” katanya menerusi satu kenyataan dari San Diego, AS.

ECER mengambil bahagian dalam Misi Pelaburan dan Perdagangan Bio yang diketuai oleh Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) ke Minneapolis, San Francisco dan San Diego, AS dari 18 Jun hingga 26 Jun.

Dalam misi ke Minneapolis, ECERDC bertemu dengan beberapa peserta utama bioteknologi terbabit dalam bidang biokimia, peralatan perubatan dan farmaseutikal yang meninjau peluang mengembangkan pasaran dan mengurangkan kos pengeluaran dengan menimbangkan Malaysia sebagai hab untuk menembusi Asia Pasifik.

# Pakar bukti iradiasi selamat

■ Makana diproses bukan penyebab kanser

Oleh Elrafaei Sapi  
ahmadelrafaei@hme-  
tro.com.my  
Kuala Lumpur

**M**akanan yang melalui proses iradiasi selamat dimakan dan tidak menjadikan kesihatan pengguna sehingga menyebabkan kanser.

Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia Datuk Dr Muhamad Lebai Juri berkata, penyelidikan dalam menentukan kesesuaian iradiasi terhadap hasil pertanian dan produk makanan di negara ini sudah dijalankan penyelidik agensi berkenaan sejak 1980-an.

"Iradiasi berkesan sebagai satu teknologi alternatif dalam menyumbang kepada keselamatan makanan dan penggunaan teknologi iradiasi makanan memberi manfaat kepada pelbagai pihak seperti industri makanan, petani dan pengguna," katanya pada Seminar Keselamatan Makanan disini, semalam.

Menurutnya, orang ramai keliru dan salah faham terhadap keselamatan makanan diiradiasi yang dikatakan menjadikan kesihatan sehingga boleh mendapat kanser.

"Ramai menyamakkannya dengan makanan radioaktif yang terhasil akibat pencemaran radioisotop apabila



**“Penerimaan iradiasi makanan masih rendah kerana ramai mempunyai pengetahuan sedikit menyebabkan salah faham”**

**DR Muhamad Lebai**

berlaku kemalangan loji nuklear seperti kes Fukushima, Jepun pada tahun 2010.

"Pakar makanan antarabangsa membuktikan iradiasi makanan mengikut peraturan yang ditetapkan tidak menjadikan nilai pemakanan dan selamat untuk dimakan," katanya.

Katanya, makanan yang

terdedah kepada punca sinaran gama, elektron dan X tidak menjadikan makanan berkenaan bersifat radioaktif apabila tenaga sinaran adalah rendah sama seperti bagasi melalui pengimbas sinaran X di lapangan terbang.

"Keselamatan makanan sudah iradiasi diiktiraf dan dijamin agensi antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan di lebih 60 negara termasuk Malaysia.

"Namun, penerimaan terhadap iradiasi makanan masih rendah kerana ramai pengguna atau industri makanan mempunyai pengetahuan sedikit yang menyebabkan salah faham serta ketakutan," katanya.

Dr Muhamad berkata, faktor keselamatan makanan menjadi sebahagian daripada masalah kesihatan umum yang perlu ditangani pihak berwajib secara efektif dan selektif.

"Keselamatan makanan bermaksud makanan selamat iaitu bebas mengandungi unsur yang boleh mendatangkan kemudarat berpunca pencemaran dari persekitaran makanan itu dihasilkan dari ladang, kilang, tempat penyimpanan sehingga meja pengguna," katanya.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 24**  
**TARIKH : 26 JUN 2014 (KHAMIS)**

Sekiranya paras empangan air sekitar Lembah Klang di tahap kritikal akibat fenomena El Nino

# **Tasik Putrajaya mungkin jadi sumber air**

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR  
pengarang@utusan.com.my

**SEPANG** 25 Jun - Tasik Putrajaya berkemungkinan dipilih menjadi sumber air kepada para penduduk Lembah Klang sekiranya paras empangan air sekitarnya berada di tahap kritikal akibat fenomena El Nino yang dijangka berlaku pada hujung bulan ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, tasik lain seperti di Mines, Seri Kembangan dan beberapa lokasi di seluruh negara turut terpilih sekiranya Kementerian Kesihatan mengesahkan air tasik-tasik tersebut selamat digunakan.

Beliau menjelaskan, alternatif itu merupakan antara beberapa cadangan yang akan dikemukakan dalam mesyuarat pertama Jawatankuasa El-Nino Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 30 Jun ini.

"Selain itu, kita berhasrat untuk menggunakan sumber air bawah tanah bagi menampung keperluan air sama ada do-

 Kita berhasrat untuk menggunakan sumber air bawah tanah bagi menampung keperluan air sama ada domestik atau industri yang terjejas akibat musim kemarau

MAHDZIR KHALID

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

mestik atau industri yang terjejas akibat musim kemarau.


"Jawatankuasa El-Nino bagaimanapun perlu terlebih dahulu mendapatkan data paras empangan di seluruh negara sebelum membuat sebarang keputusan," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan majlis pembukaan rasmi Hotel Tune klia2 di sini hari ini. Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Tune Hotel, Mark Lankester.

Ditanya sama ada kemungkinan berulang kembali catuan air, Mahdzir berkata, pihaknya perlu mendapat penjelasan daripada Jabatan Meteorologi berhubung perubahan Monsun Barat Daya pada minggu kedua Julai ini.

Ujarnya, fenomena cuaca panas yang berlaku sejak minggu lalu bukan berpunca daripada El Nino tetapi disebabkan oleh Monsun Barat Daya dari Lautan Hindi.

"Pada minggu kedua bulan hadapan, kita akan lihat sama Monsun Barat Daya telah beralih daripada Lautan Hindi kepada Lautan Pasifik dan jika berlaku, maka fenomena El Nino telah melanda.

"Fenomena El Nino mendatangkan cuaca panas berpanjangan bakal memberi impak cukup besar pada negara dengan melibatkan lima sektor iaitu domestik, pertanian, industri, janakuasa elektrik dan kesihatan," katanya.



**TASIK Putrajaya mungkin dipilih jadi sumber air penduduk Lembah Klang jika paras air empangan di tahap kritikal.** - GAMBAR HIASAN

PRIME NEWS

# Put out forest fires in Sumatra, KL tells Jakarta

**HAZE:** Number of hot spots in Sumatra rose to 143 yesterday from 129 on Monday, says minister

ZAFIRA ANWAR  
AND NURASYIKIN ZULKIFLI  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**M**ALAYSIA has urged Indonesia to immediately extinguish forest fires in Central Sumatra that are worsening the haze situation in the country.

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri G. Palanivel said Indonesia needed to not only stop the forest fires from spreading but also prevent them.

He said the call was extended to Indonesia in a letter by Department of Environment director-general Datuk Halimah Hassan to her Indonesian counterpart.

"The letter expresses Malaysia's concern

with the increase of hot spots which cause haze in the peninsula since Sunday," he said yesterday.

Palanivel said the Asean Specialised Meteorological Centre (ASMC) in Singapore had reported that the number of hot spots in Sumatra rose to 143 yesterday from 129 on Monday.

Twenty-five hot spots have been identified in Pahang, Johor (four), Sarawak (three) and one each in Kedah, Kelantan, Malacca, Selangor, Perak and Penang.

"The hot spots will be investigated and the relevant authorities will take action."

As of 4pm yesterday, the air pollution index (API) for all states nationwide recorded moderate or good levels.

The situation showed an improvement



**Firemen** spraying water to extinguish wildfires in Dumai, Riau province in Indonesia recently. AP pic

from the readings four hours earlier, when unhealthy API levels were recorded in Port Klang (102), Shah Alam (103), Cheras (102) and Putrajaya (107).

Palanivel said the southwest monsoon played a major role in bringing the haze to Malaysia and this was expected to continue until September.

"Since February, the ministry had taken various measures to overcome this issue, including banning open burning to offset the impact compounded by the southwest monsoon and El Nino."

Meteorological Department is corporate and commercial director Maznorizan Mohamad said the increase in the API levels was because of the current dry and hot weather.

"The dry spell has triggered forest fires

that contribute to the formation of smoke and haze."

She said the situation was expected to improve in September during the inter-monsoon phase.

Meanwhile, clinics and hospitals have been advised to have sufficient medications and medical supplies as the number of patients was expected to increase.

Health Minister Datuk Seri Dr S. Subramaniam advised the public to limit their outdoor activities, drink plenty of water, maintain good hygiene and use masks when going outdoors.

He said according to the National Haze Action Plan 2014, schools could be shut down if the API indicated an unhealthy level of 200 for more than 48 hours.

# Tasik Putrajaya, Mines sumber alternatif

» Guna sebagai pilihan jika paras air empangan capai tahap kritikal

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

► Sepang

Tasik Putrajaya menjadi pilihan untuk membekalkan sumber air mentah bagi kegunaan penduduk Lembah Klang sekiranya paras air empangan mencapai tahap kritis berikutnya fenomena El Nino yang dijangka akhir bulan ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata selain Tasik Putrajaya, beberapa tasik lain turut dipilih untuk tujuan itu, antaranya Tasik Mines di Seri Kembangan, Selangor.

Bagaimanapun, katanya, sum-



**Mahdzir (kiri) mendengar penerangan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Tune Hotels, Mark Lankester (tengah) selepas melancarkan Tune Hotel di klia2, semalam.**

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

ber air tasik berkenaan hanya dipakai jika mendapat pengesahan daripada Kementerian Kesihatan bahawa ia selamat untuk diguna.

Katanya, sumber alternatif itu adalah antara cadangan yang akan dibentangkan dalam me-

syuarat pertama Jawatankuasa El Nino dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 30 Jun ini.

## Sumber air bawah tanah

“Selain tasik, kita juga berhasrat

menggunakan sumber air bawah tanah bagi menampung keperluan air, baik bagi kegunaan domestik atau industri, sekiranya bekalan terjejas.

“Jawatankuasa El Nino akan mendapatkan data paras air em-

pangan di seluruh negara sebelum membuat keputusan mengenainya,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Tune Hotel di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) di sini, semalam.

Ditanya kemungkinan catuan air diadakan lagi, Mahdzir berkata, pihaknya akan meminta penjelasan Jabatan Meteorologi mengenai perubahan monsun barat daya pada minggu kedua bulan depan.

Katanya, fenomena cuaca panas yang berlaku sejak minggu lalu bukan berpunca daripada El Nino tetapi disebabkan oleh monsun barat daya dari Lautan Hindi.

“Minggu kedua bulan depan, kita akan lihat sama ada monsun barat daya ini beralih daripada Lautan Hindi ke Lautan Pasifik. Jika berlaku, maka fenomena El Nino sudah melanda negara ini.”

“Fenomena ini akan mengakibatkan cuaca panas berpanjangan serta memberi kesan besar pada negara terutama sektor domestik, pertanian, industri, jana kuasa elektrik dan kesihatan,” katanya.

KERATAN AKHBAR  
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 14  
TARIKH: 26 JUN 2014 (KHAMIS)

## Penang to become hotter and hazier

**GEORGE TOWN:** The hot and hazy situation in Penang is expected to get worse over the next five days, says a state Department of Environment spokesman.

Saying that no rain is expected over the next few days, he urged the public not to heighten the problem through open burning.

The Air Pollutant Index (API) reading at Universiti Sains Malaysia yesterday was 57 at 7am, and 59 at 11am, 62 at 1pm, but went up to 78 at 4pm.

Seberang Jaya recorded a steady API increase from 63 at 7am to 72 by 4pm.

Similarly, the API for Prai went up from 59 at 7am to 66 at 4pm.

Visibility in Bayan Lepas dropped from 7km (8am) to 5km at 1pm, while visibility in Butterworth dropped from 5km to 3km and at Prai from 7km to 6km during the same period.

Meanwhile, the Malaysian Meteorological Department forecasts fair weather for Penang, with no rain until July 1.